

Analisis Leksikal Dialek Pahang dalam Lirik Lagu Kumpulan Anok Semantan: Kefahaman Mahasiswa Pahang di UIAM Pagoh

Nursyafiqah Najwa Ismadi¹, Mohamad Suhaizi Suhaimi^{2*} dan Khairul Ashraaf Saari³

^{1,2} Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Malaysia

³ Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author email: msuhaizi@iium.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 29th January 2026

Revised: 14th April 2026

Accepted: 18th April 2026

Published: 21st April 2026

KATA KUNCI

Dialek Pahang
Leksikal
Lirik lagu
Mahasiswa

KATA KUNCI

Pahang Dialect,
Lexical
Song lyrics
University students

ABSTRAK - Dialek Pahang mempunyai variasi pertuturan mengikut daerah yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mahasiswa terhadap makna leksikalnya. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap leksikal dialek Pahang dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan serta menganalisis faktor yang mempengaruhi kefahaman tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual berstruktur dan borang soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman mahasiswa Pahang UIAM Pagoh berada pada tahap sederhana kerana terdapat leksikal yang tidak pernah mereka gunakan dalam kehidupan harian. Faktor keluarga, rakan, tempat tinggal dan persekitaran turut dikenal pasti sebagai faktor utama. Jelasnya, kajian ini akan menjadi kajian lanjutan tentang dialek Pahang yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi pengkaji yang akan datang.

ABSTRACT - The Pahang dialect has variations in speech according to the region which can cause confusion among students regarding its lexical meaning. Therefore, this paper aims to identify the level of understanding of Pahang students towards the lexical of the Pahang dialect in the lyrics of the Kumpulan Anok Semantan songs as well as analyze the factors that influence this understanding. This study uses a qualitative approach through structured interviews and questionnaires. The research findings indicate that the level of understanding among Pahang students at IIUM Pagoh is at a moderate level, as there are certain lexical items that they have never used in their daily lives. Family, friends, place of residence and environment factors were also identified as main factors. Clearly, this study will be an additional study on the Pahang dialect which can be used as a reference for future researchers.

PENGENALAN

Sosiolinguistik ialah cabang ilmu linguistik yang mengkaji hubungan antara bahasa dan masyarakat serta meneliti kaedah bahasa yang digunakan dalam pelbagai konteks sosial. Dalam bidang sosiolinguistik, pilihan bahasa setiap individu atau kumpulan dipengaruhi oleh sejarah keluarga, lingkungan sosial, dan identiti budaya (Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Dicky Wiwittan Toto Ngadiman, 2024). Sosiolinguistik mempunyai perkaitan dengan dialek kerana kajian tersebut sering meneliti variasi bahasa termasuk dialek yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Amir Imran Jamil (2019), dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik. Disebabkan penyebaran dialek-dialek Melayu ini meliputi satu kawasan yang sangat luas, maka keadaan ini jelas

menunjukkan bahawa wujudnya satu keperluan untuk melaksanakan penelitian dan kajian terhadap dialek Melayu. Dari segi penggunaan bahasa, negeri Pahang mempunyai keunikan tersendiri kerana setiap daerah mempunyai ciri-ciri penyebutannya yang tersendiri berdasarkan kedudukan sesebuah daerah (Junaini Kasdan et al., 2019).

Lagu merupakan salah satu karya sastera yang dekat dengan masyarakat. Melalui lagu, masyarakat boleh mempelajari pelbagai perkara terutamanya dari aspek bahasa yang digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana lagu berfungsi sebagai medium untuk menyatakan perasaan, hiburan dan merupakan salah satu bentuk komunikasi yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu mesej. Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Muhammad Auzraie Mohd Razali (2024) menyatakan bahawa lagu ialah gubahan seni nada atau suara yang disertakan dengan muzik serta mempunyai kesatuan dan kesinambungan. Lagu yang bertahan lama dan digemari bukan hanya disebabkan oleh melodi dan penyanyinya sahaja tetapi juga seni katanya. Selain itu, lagu rakyat tidak hanya berfungsi sebagai medium hiburan, tetapi juga berperanan sebagai alat pendidikan dan penyebaran nilai-nilai moral (Muhammad Zaid Daud, Nur Farain Ali dan Muhammad Faizul Abd Hamid, 2025).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada lirik-lirik lagu yang didendangkan oleh sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Kumpulan Anok Semantan iaitu sebuah kumpulan yang ditubuhkan pada tahun 2006 dan dianggotai oleh lima orang anak jati Pahang. Kumpulan tersebut berusaha untuk memperjuangkan dan memartabatkan lagu-lagu tradisional Pahang. Hal ini demikian kerana mereka memfokuskan kepada lagu-lagu dalam loghat Pahang. Terdapat 12 buah lagu yang telah dihasilkan oleh mereka yang menunjukkan keunikan loghat Pahang. Misalnya, lagu yang bertajuk Makwe Koi, Kole Semantan dan Ngape Bio Semok. Justeru, kajian ini mengkaji tentang tahap kefahaman mahasiswa terutamanya mahasiswa yang lahir di negeri Pahang terhadap leksikal-leksikal dialek Pahang yang terdapat dalam lirik lagu kumpulan Anok Semantan serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Negeri Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Dialek Pahang dikatakan sebagai suatu dialek yang rencam dari aspek fonologi, morfologi dan juga penggunaannya. Terdapat beberapa kajian yang pernah menjalankan kajian mengenai dialek Pahang. Antaranya ialah kajian daripada Nor Sahara Mesman dan Fatina Bakar (2023) yang mengkaji mengenai penggunaan kata ganti nama dalam dialek Pahang. Kajian yang dijalankan oleh Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2022) meneliti analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di Hilir Pahang. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Junaini Kasdan et al. (2019) memberi perhatian terhadap varian kata ganti nama dalam dialek Melayu Pekan, Pahang. Namun begitu, kajian terhadap dialek Pahang terutamanya dari aspek tahap kefahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang melalui lagu tidak begitu luas dan kurang disentuh oleh para pengkaji yang lain.

Selain itu, tahap kefahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang yang terdapat dalam lirik-lirik lagu Kumpulan Anok Semantan dipengaruhi oleh beberapa faktor yang akan menyebabkan tahap kefahaman mereka berbeza antara satu sama lain. Menurut Junaini Kasdan dan Muhammad Fahmi Abu Hassan (2018), faktor-faktor seperti latar belakang sosial, pengetahuan, dan pemahaman responden terhadap dialek tersebut dianalisis. Mereka turut menyatakan bahawa latar belakang sosial mempunyai hubungan signifikan dengan tahap pengetahuan dan pemahaman responden. Khalayak tidak menghadapi masalah dalam memahami dialek yang bersifat umum tetapi menghadapi kesukaran dengan dialek yang bersifat khusus (Junaini Kasdan dan Muhammad Fahmi Abu Hassan, 2018). Dialek Pahang yang jarang digunakan ketika berkomunikasi oleh anak-anak muda pada masa kini menyebabkan dialek tersebut semakin dilupakan seterusnya menjadikan makna di sebalik leksikal dialek Pahang turut terkubur ditelan zaman.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian lepas berkaitan dialek telah dijadikan rujukan dalam kajian ini. Bagi objektif pertama, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek, pengkaji telah menjadikan kajian oleh Dayang Nazirah Awang Sihat, Nabillah Bolhassan dan Nadira Abd Rahman et al. (2024) yang meneliti tahap penguasaan kosa kata Dialek Melayu Tradisional Sarawak (DMTS) dalam kalangan remaja Melayu di Universiti Teknologi Sarawak melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan soal selidik sebagai rujukan dan mendapati bahawa tahap

penguasaan responden berada pada tahap sederhana. Seterusnya, kajian Rosliah Kiting dan Shira Eariy Janedeh (2023) pula menumpukan pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi Bahasa Melayu standard pelajar bumiputera di UPSI dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran lisan Bahasa Melayu standard masih kurang memuaskan akibat pengaruh dialek. Selain itu, Harishon Radzi et al. (2018) mengkaji tahap pemahaman leksikal kata kerja Dialek Melayu Kedah di Pula Tuba dan Satun menggunakan *Vocabulary Recognition Task* (VRT) dan mendapati bahawa tahap pemahaman responden adalah sangat baik kerana dipengaruhi oleh faktor sosiokognitif dan latar pendidikan. Sementara itu, kajian oleh Junaini Kasdan dan Muhammad Fahmi Abu Hassan (2018) pula menganalisis penerimaan dan pemahaman dialek Terengganu dalam penyampaian dakwah dan mendapati tahap kefahaman responden terhadap leksikal dialek tersebut adalah kurang memuaskan. Akhir sekali, kajian Suhaila Ismail dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2017) berkaitan pemahaman dialek Kedah dalam kalangan pekerja Unit Rangka Jabatan Perangkaan Negeri Selangor menunjukkan tahap pemahaman responden berada pada tahap baik. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman terhadap leksikal dialek adalah berbeza-beza dan dipengaruhi oleh tahap pendedahan, persekitaran serta kekerapan penggunaan dialek dalam kehidupan harian.

Aspek kefahaman dan faktor yang mempengaruhinya telah dikaji dari pelbagai sudut oleh pengkaji terdahulu. Antaranya ialah kajian Adriana Santa Anak Tinggom, Julaina Nopiah dan Azean Idruwani Idrus (2024). Kajian tersebut mendapati bahawa penyebaran dialek Melayu Satun di Langakawi dipengaruhi oleh faktor bukan linguistik seperti persempadanan, bentuk muka bumi, migrasi, ekonomi dan sosiobudaya. Seterusnya, kajian oleh Nur Eliana Muhamad dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2024) menunjukkan bahawa penggunaan dialek Kelantan dalam pembelajaran bahasa Melayu dipengaruhi oleh faktor keselesaan berkomunikasi, keyakinan diri serta kelemahan penggunaan bahasa Melayu standard akibat penggunaan dialek yang kerap dalam kehidupan harian. Selain itu, kajian Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2022) mendapati bahawa faktor keluarga dan rakan memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa Melayu baku dalam kalangan murid berkeperluan khas kerana dialek digunakan secara berulang sebagai medium komunikasi utama. Kajian Mohammad Syawal Narawi, Mardzelah Makhsin & Nor Hasimah Ismail (2021) pula menegaskan bahawa faktor efektif seperti minat, sikap, motivasi dan persekitaran, khususnya persekitaran bahasa, merupakan faktor dominan yang mempengaruhi tahap kefahaman bahasa Melayu responden Peranakan Pakistan. Konklusinya, kajian-kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap kefahaman bahasa dan dialek dipengaruhi oleh pelbagai faktor linguistik dan bukan linguistik seperti persekitaran, sosial, sikap, motivasi, kekerapan penggunaan serta latar budaya dan geografi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan melibatkan seramai 30 orang mahasiswa kelahiran negeri Pahang yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh. Pemilihan responden ini adalah berlandaskan kesesuaian dengan fokus kajian yang meneliti tahap kefahaman terhadap leksikal dialek Pahang dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan. Bagi menjamin ketepatan dan kelengkapan data, pengkaji telah mengaplikasikan dua kaedah pengumpulan data, iaitu borang soal selidik dan temu bual berstruktur.

Borang soal selidik berfungsi sebagai instrumen utama dalam memperoleh data bagi objektif pertama kajian, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa Pahang UIAM Kampus Pagoh terhadap leksikal dialek Pahang yang terdapat dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan. Instrumen ini diedarkan secara talian melalui landasan Google Form bagi memastikan proses pengumpulan data dapat dilaksanakan secara lebih efisien dan sistematik. Seterusnya, kaedah temu bual berstruktur digunakan bagi memperoleh data yang berkaitan dengan objektif kedua kajian iaitu menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap leksikal dialek Pahang dengan soalan-soalan temu bual yang dirangka secara terancang dan berfokus.

Proses penganalisan data dilaksanakan setelah keseluruhan data berjaya dikumpulkan. Data yang diperoleh melalui borang soal selidik dianalisis secara kualitatif dengan mengkategorikan tahap kefahaman responden terhadap leksikal dialek Pahang sebelum dihasilkan dalam bentuk jadual bagi tujuan pelaporan dapatan kajian. Sementara itu, data yang diperoleh melalui temu bual berstruktur dianalisis secara tematik bagi mengenal faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap leksikal dialek Pahang dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan. Keseluruhan proses penganalisan data dilaksanakan secara teliti dan berhemah bagi memastikan

kesahihan serta kebolehpercayaan dapatan kajian, seterusnya membolehkan pengkaji menghasilkan kesimpulan yang selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan senarai leksikal yang mengandungi dialek Pahang dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan. Berdasarkan Jadual 1, terdapat 25 leksikal dialek Pahang yang telah dikeluarkan oleh pengkaji daripada enam buah lagu yang didendangkan oleh Kumpulan Anok Semantan. Pengkaji telah membahagikan leksikal dialek tersebut kepada empat bahagian mengikut jenis kata iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi. Seterusnya, leksikal-leksikal tersebut dihuraikan dari segi tahap kefahaman mahasiswa Pahang di UIAM Pagoh.

Jadual 1. Leksikal Dialek Pahang dalam Lirik lagu Kumpulan Anok Semantan

Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Kata Sendi
Tok Lebai [toʔ ləbeɪ]	Ngendok [ŋəndɔʔ]	Bederun [bedərun]	Perentan [pərəntan]
Geco [gəco]	Nempoh [nəmpoh]	Sekale [səkələ]	Kone [konə]
Jenoh [jənoh]	Meling-meling [məlin məlin]	Lepe [ləpə]	Lede [lədə]
Cemoih [čəmoih]	Ngerutung [ŋəruton]	Senalo [sənalɔ]	Sede [sədə]
Tetingkoh [tətɪŋkoh]	Ngelio [ŋəliyo]		
Baroh [baroh]	Digembeling [digəmbəlin]		
	Ngenjokkan [ŋənjoʔkan]		
	Mencipoit [məŋčipoit]		
	Derehla [dərehla]		
	Ralek [raleʔ]		
	Dan [dan]		

i) Kata Nama

Leksikal dialek Pahang yang berada di bawah kata nama terdiri daripada enam leksikal. Bagi leksikal yang pertama, iaitu "tok lebai", tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap maksud leksikal tersebut berada pada tahap tinggi. Hal ini demikian kerana sebanyak 21 orang responden yang mengetahui maksud di sebalik leksikal tersebut. Definisi leksikal "tok lebai" dalam dialek Pahang ialah orang yang mempunyai ilmu agama seperti imam atau ustaz. Seterusnya, leksikal "geco" turut berada di bawah kata nama kerana dalam konteks ayat yang terdapat dalam lirik lagu Makwe Koi, "geco" merujuk kepada budak lelaki yang lembut atau berperangai pelik bila bermain-main seperti pondok-pondok, iaitu permainan yang selalunya sinonim dengan budak perempuan. Leksikal "geco" di sini ialah kata nama kerana leksikal tersebut digunakan untuk melabel sifat atau identiti seseorang secara kiasan. Tahap kefahaman responden terhadap leksikal "geco" berada pada tahap rendah. Hal ini kerana "geco" merupakan salah satu leksikal yang jarang digunakan oleh rakyat Pahang pada masa kini terutamanya generasi muda. Bagi leksikal yang ketiga pula, "jenoh" dikategorikan sebagai kata nama disebabkan oleh definisinya dalam dialek Pahang, iaitu kepenatan yang teramat sangat. Leksikal "jenoh" turut terdapat dalam bahasa Melayu standard. Justeru, tahap kefahaman responden terhadap leksikal tersebut adalah tinggi.

Selain itu, leksikal "cemoih" turut dikategorikan sebagai kata nama dalam dialek Pahang kerana maksud leksikal tersebut adalah perasaan meluat. Hanya tiga orang sahaja mahasiswa Pahang yang berada di UIAM Pagoh yang tahu akan definisi leksikal tersebut dan perkara ini membuatkan tahap kefahaman responden terhadap maksud leksikal "cemoih" adalah rendah. Leksikal yang seterusnya adalah "tetingkoh". Perkataan "tetingkoh" dalam dialek Pahang membawa maksud sendi atau pelipatan antara paha dan betis, iaitu bahagian belakang lutut. Terdapat tiga orang responden yang menyatakan

bahawa definisi bagi leksikal “tetingkoh” dalam dialek Pahang ialah tulang. Setelah dianalisis, jawapan tersebut hampir betul namun tidak tepat manakala contoh jawapan bagi leksikal tersebut menurut responden-responden yang lain ialah terhantuk, tertindih, teralih dan banyak lagi. Jadi, dapat dilihat di sini bahawa tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap maksud leksikal “tetingkoh” berada pada tahap rendah. Leksikal keenam yang dikategorikan sebagai kata nama ialah “baroh”. Definisi leksikal “baroh” dalam dialek Pahang merujuk kepada kawasan tanah rendah yang berair, biasanya berhampiran sungai, paya atau lembah yang sering ditenggelami air atau membawa maksud kawasan hilir atau tempat yang lebih rendah dari darat biasa. Tahap kefahaman responden terhadap maksud leksikal “baroh” berada pada tahap rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya lima orang responden yang tahu akan definisi leksikal tersebut. Oleh itu, pengkaji mengelaskan tahap kefahaman tersebut sebagai rendah kerana jumlah responden ialah 30 orang.

ii) Kata Kerja

Terdapat 11 leksikal dialek Pahang yang terdapat dalam lirik-lirik lagu Kumpulan Anok Semantan dikategorikan sebagai kata kerja. Tahap kefahaman responden bagi leksikal “mencipoit”, “dan”, “ralik” serta “derehla” adalah tinggi kerana maksud bagi leksikal-leksikal tersebut tidak jauh bezanya dengan bahasa Melayu standard. Keempat-empat leksikal tersebut turut selalu digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat di Pahang. Justeru, mahasiswa Pahang yang menjadi responden bagi kajian ini tahu serta faham akan maksud di sebalik leksikal tersebut. Seterusnya, tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap definisi leksikal dialek Pahang bagi leksikal seperti “digembeling”, “ngenjokkan”, “ngendok” dan “nempuh” berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana kebanyakan responden faham akan maksud di sebalik penggunaan leksikal-leksikal tersebut. “Digembeling”, “ngenjokkan”, “ngendok” dan “nempuh” merupakan leksikal-leksikal yang tidak selalu digunakan oleh rakyat Pahang pada ke hari ini, namun definisinya masih diketahui oleh mahasiswa yang mewakili golongan muda pada era ini.

Walau bagaimanapun, tahap kefahaman responden terhadap tiga leksikal yang telah dikategorikan di bawah kata kerja berada pada tahap rendah. Leksikal-leksikal tersebut adalah “meling-meling”, “ngerutung” dan “ngelio”. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal-leksikal tersebut sudah tidak digunakan oleh rakyat Pahang pada zaman ini. Leksikal “meling-meling” dalam dialek Pahang biasanya membawa maksud merenung atau memandang dengan senyuman sinis, atau pandangan yang penuh makna, kadang-kadang dengan perasaan mengusik, mengejek, atau menyindir secara halus. Definisi bagi leksikal “ngerutung” pula ialah mengomel manakala “ngelio” bermaksud rasa geli. Penggunaan ketiga-tiga leksikal tersebut amat susah untuk didengari pada era globalisasi kini dan perkara tersebut telah memberi impak negatif kepada golongan muda kerana jika mereka tidak memahami akan maksud leksikal-leksikal tersebut, leksikal dialek Pahang tersebut akan hilang ditelan zaman. Oleh itu, penggunaan leksikal dialek Pahang haruslah diteruskan oleh golongan muda terutamanya mahasiswa-mahasiswa yang melanjutkan pelajaran di luar negeri Pahang agar lebih ramai orang akan ketahui serta memahami dialek Pahang tersebut.

iii) Kata Adjektif

“Bederun”, “sekale”, “senalo” dan “lepe” merupakan leksikal dialek Pahang yang terdapat dalam lirik-lirik lagu Kumpulan Anok Semantan yang telah dikelaskan oleh pengkaji sebagai kata adjektif. Maksud leksikal “bederun” menurut dialek Pahang adalah pergerakan dalam kuantiti yang banyak dan berturutan. Tahap kefahaman mahasiswa Pahang di UIAM Pagoh terhadap leksikal “bederun” berada pada tahap sederhana kerana seramai 15 orang responden yang faham akan maksud di sebalik penggunaan leksikal tersebut. Bagi leksikal yang berikutnya, iaitu “lepe” pula, tahap kefahaman responden turut berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana seramai 14 orang responden yang menyatakan jawapan yang betul bagi definisi leksikal tersebut. Leksikal “lepe” mempunyai maksud yang sama dengan perkataan alpa yang merupakan bahasa Melayu standard. Jadi, kebanyakan responden faham akan definisi leksikal tersebut. Seterusnya, leksikal “sekale” dan “senalo” merupakan dua leksikal yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama dalam dialek Pahang. Tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap leksikal “sekale” berada pada tahap sederhana manakala bagi leksikal “senalo” pula berada pada tahap rendah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua leksikal tersebut mempunyai maksud yang sama, tetapi tahap kefahaman mereka terhadap leksikal-leksikal tersebut adalah berbeza.

iv) **Kata Sendi**

Terdapat empat leksikal dialek Pahang yang telah dikeluarkan oleh pengkaji dari lirik-lirik lagu kumpulan Anok Semantan berada di bawah kata sendi atau kata tugas. Leksikal yang pertama ialah "perentan" yang bermaksud sewaktu. Seramai 15 orang responden yang berjaya menjawab definisi leksikal "perentan" dengan tepat, maka tahap kefahaman responden terhadap leksikal tersebut berada pada tahap sederhana. "Perentan" merupakan salah satu leksikal yang jarang digunakan pada hari ini, namun definisi bagi leksikal tersebut boleh diteka sekiranya responden faham akan konteks ayat yang terdapat dalam lirik lagu "Makwe Koi". Leksikal yang seterusnya adalah "kone". Tahap kefahaman mahasiswa Pahang terhadap maksud leksikal "kone" adalah tinggi kerana maksudnya sama sahaja dengan perkataan "ke mana", cuma perbezaannya adalah dari segi ejaan. Rentetan itu, seramai 22 orang daripada 30 orang responden yang faham akan makna di sebalik leksikal tersebut. Akhir sekali, leksikal "lede" dan "sede" turut mempunyai makna yang sama, iaitu sangat atau amat. Tujuan penggunaan kedua-dua leksikal tersebut adalah untuk memberi penekanan dalam sesebuah ayat. Tahap kefahaman responden terhadap leksikal "lede" dan "sede" berada pada tahap rendah. Hal ini demikian kerana tiada seorang responden pun yang mengetahui definisi kedua-dua leksikal tersebut. Perkara ini disebabkan oleh leksikal "lede" dan "sede" amat susah untuk didengari penggunaannya pada hari ini walaupun dalam kalangan orang yang sudah berumur.

Seterusnya, penulisan diteruskan dengan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa UIAM Pagoh terhadap dialek Pahang. Didapati bahawa faktor keluarga, rakan, tempat tinggal dan persekitaran mendominasi pemahaman mereka terhadap dialek tersebut.

Jadual 2 Faktor Keluarga

"Kebiasaannya makcik - makcik saya menggunakan loghat Pahang. Jadi dari sini saya tahu sedikit sebanyak.
"Faktor persekitaran dan ahli keluarga."
"Pendedahan drpd keluarga."
"Keluarga."
"Pengaruh keluarga dan rakan."

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat beberapa orang responden yang menyatakan bahawa pengaruh keluarga merupakan faktor dominan yang membentuk pemahaman dan penguasaan mereka terhadap leksikal dialek Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana, keluarga khususnya ibu bapa dan ahli keluarga terdekat seperti ibu sedara, nenek, atuk dan sepupu memainkan peranan penting sebagai agen sosialisasi awal dalam kehidupan seseorang individu. Komunikasi harian yang menggunakan dialek Pahang di rumah sejak kecil secara tidak langsung telah membantu mahasiswa ini membina kemahiran dalam memahami dan menuturkan pelbagai bentuk leksikal tempatan. Ibu bapa memainkan peranan dalam memperkenalkan bahasa dan budaya kepada anak-anak bermula seawal usia mereka melalui interaksi harian di rumah. Hal ini bertepatan dengan kenyataan responden yang menyebut bahawa "kebiasaannya makcik-makcik saya menggunakan loghat Pahang. Jadi dari sini saya tahu sedikit sebanyak", yang menunjukkan pemerolehan dialek secara tidak formal melalui pendedahan semula jadi dalam komunikasi keluarga.

Seterusnya, persekitaran rumah yang menggunakan dialek sebagai medium utama komunikasi bukan sahaja membentuk kefahaman linguistik tetapi juga memupuk rasa bangga terhadap warisan bahasa tersebut. Hal ini demikian kerana keluarga merupakan medium pertama yang membentuk sikap positif terhadap penggunaan dialek, terutama dalam kalangan remaja yang berdepan dengan pengaruh kuat bahasa standard dan bahasa global seperti Bahasa Melayu standard dan Bahasa Inggeris. Justeru, dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa persekitaran keluarga berperanan besar dalam memupuk dan mengekalkan kefahaman serta penggunaan dialek warisan dalam kalangan generasi muda, meskipun mereka kini berada di luar kawasan geografi asal dialek tersebut. Kesenambungan penggunaan dialek di rumah berfungsi sebagai benteng pertahanan budaya dan bahasa, sekali gus memastikan kelangsungan dialek Pahang dalam jangka masa panjang.

Jadual 3. Faktor Rakan

“Rakan-rakan sekolah yang duduk di pelbagai daerah di Pahang.”
“Kawan saya kebiasaannya tidak menggunakan loghat Pahang ketika berbual.”
“Tinggal di Pahang sejak lahir, berkawan dengan orang Pahang.”
“Selalu dengar kawan guna *time* sekolah dulu, sesetengah perkataan je faham.”

Terdapat beberapa orang responden yang menyatakan bahawa rakan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam memahami leksikal dialek Pahang terutamanya yang terdapat dalam lirik-lirik lagu Kumpulan Anok Semantan. Pengaruh ini dilihat melalui interaksi sosial harian bersama rakan-rakan, khususnya semasa zaman persekolahan dan ketika menjalani aktiviti santai seperti mendengar muzik atau berbual secara santai. Meskipun sebahagian responden menyatakan bahawa rakan mereka tidak selalu menggunakan loghat Pahang ketika berkomunikasi, pengalaman berada dalam persekitaran sosial yang melibatkan penggunaan dialek ini, walaupun secara tidak konsisten, tetap memberi kesan kepada proses pembelajaran leksikal secara tidak formal. Keadaan ini mencerminkan bahawa interaksi rakan sebaya dan budaya hiburan setempat dapat berfungsi sebagai alat bantu dalam menyemai kefahaman terhadap variasi leksikal dialek tempatan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa selain daripada institusi keluarga, rakan sebaya juga memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk dan mengukuhkan pemahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang.

Jadual 4. Faktor Tempat Tinggal

“Tempat tinggal, kerana Pahang adalah negeri yang besar terdapat beberapa tempat yang tidak terlalu pekat penggunaan dialeknnya. Tempat seperti Temerloh menggunakan dialek Pahang yang penuh.”
“Keluarga, tempat kelahiran dan tempat tinggal.”
“Tempat tinggal dan orang sekeliling merupakan orang yang menggunakan dialek negeri lain.”
“Pada pandangan saya mungkin dari segi daerah mana kami duduk.”
“Faktor geografi & latar belakang keluarga.”

Jadual 4 menunjukkan bahawa faktor tempat tinggal memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa terhadap dialek Pahang. Terdapat lima orang responden yang menyatakan bahawa lokasi geografi tempat tinggal seseorang di dalam negeri Pahang memberi kesan terhadap tahap penguasaan dan pendedahan terhadap variasi leksikal dialek tempatan. Hal ini disebabkan oleh keluasan negeri Pahang itu sendiri yang merangkumi pelbagai daerah dengan keunikan dialek masing-masing. Sebagai contoh, terdapat responden yang menyatakan bahawa daerah seperti Temerloh lebih kuat penggunaan dialek Pahangnya, berbanding dengan daerah-daerah lain yang mungkin dipengaruhi oleh dialek negeri jiran. Oleh itu, pelajar yang menetap di kawasan yang kaya dengan penggunaan dialek Pahang lebih berkemungkinan untuk memahami dan menguasai leksikal tersebut dengan lebih baik.

Selain itu, faktor tempat kelahiran dan persekitaran sosial seperti jiran tetangga dan rakan-rakan sekeliling turut memberi impak kepada tahap kefahaman responden terhadap dialek Pahang. Responden yang dibesarkan dalam komuniti yang aktif menggunakan dialek Pahang menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk memahami maksud leksikal dalam lagu-lagu Kumpulan Anok Semantan. Sebaliknya, mereka yang tinggal di kawasan yang lebih heterogen dari segi bahasa atau yang dikelilingi oleh pengguna dialek negeri lain menunjukkan tahap kefahaman yang lebih rendah. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tempat tinggal merupakan salah satu faktor yang signifikan dalam menentukan sejauh mana pendedahan seseorang terhadap dialek Pahang, seterusnya mempengaruhi tahap kefahaman mereka terhadap leksikal dalam bentuk seni budaya seperti lagu.

Jadual 5 Faktor Persekitaran

“Cara pergaulan harian. Bila selalu sembang dengan orang yang lebih tua, baru perasan sebenarnya tahu je perkataan tu. Cuma sebab jarang guna, jadi macam ingat-ingat lupa.”
“Faktor persekitaran.”
“Gaya penutur, usia penutur.”
“Faktor penggunaan dalam kehidupan harian.”
“Masyarakat sekeliling.”

Jadual 5 menunjukkan bahawa faktor persekitaran merupakan salah satu elemen penting yang mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang. Persekitaran merangkumi pelbagai aspek seperti masyarakat sekeliling, situasi harian, interaksi sosial serta cara pertuturan yang digunakan oleh individu dalam komuniti mereka. Berdasarkan maklum balas responden, didapati bahawa pendedahan terhadap dialek Pahang melalui interaksi seharian memainkan peranan yang signifikan. Sebagai contoh, mereka yang kerap bergaul dengan penutur asli, khususnya golongan yang lebih tua seperti datuk dan nenek ketika musim perayaan atau dalam situasi keluarga, cenderung untuk memahami dan mengingati semula perkataan-perkataan dialek walaupun jarang menggunakannya. Hal ini menunjukkan bahawa pendengaran berulang terhadap dialek dalam konteks sosial dapat membantu memperkukuh pemahaman serta memori linguistik responden terhadap leksikal dialek tersebut. Hal ini turut bertepatan dengan pernyataan Ruly Adha (2022), iaitu proses perkembangan bahasa ditentukan oleh jangka masa latihan yang diberikan oleh persekitarannya. Semakin lama masa yang digunakan oleh seseorang itu dalam persekitaran yang menggunakan dialek Pahang dalam pertuturan harian mereka, semakin tinggi tahap kefahaman individu tersebut terhadap leksikal dialek Pahang.

Selain itu, gaya penuturan dan usia penutur juga menjadi faktor penting dalam membentuk kefahaman. Dialek yang dituturkan oleh golongan lebih berusia biasanya lebih asli dan kaya dengan kosa kata tradisional berbanding generasi muda yang cenderung menggunakan bahasa campuran atau dialek yang telah dipermudahkan. Justeru, responden yang berada dalam persekitaran yang aktif menggunakan dialek tradisional Pahang lebih terdedah dan berkemungkinan besar untuk memahami kandungan lirik lagu yang menggunakan dialek tersebut, termasuk lagu-lagu Kumpulan Anok Semantan. Sebaliknya, mereka yang berada dalam persekitaran urban atau moden yang kurang menggunakan dialek, berhadapan dengan cabaran dalam memahami struktur dan konteks ayat yang sepenuhnya menggunakan dialek Pahang. Masyarakat sekeliling juga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi mahasiswa dalam memahami leksikal dialek Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek Pahang merupakan salah satu dialek yang tidak selalu digunakan oleh mahasiswa terutamanya ketika mereka berbual dengan masyarakat yang berasal dari negeri lain. Kebiasaannya, dialek Pahang hanya akan digunakan oleh penduduknya sendiri sesama mereka sahaja ketika berinteraksi dan perkara ini telah membuatkan leksikal dialek Pahang semakin dilupakan. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa faktor persekitaran memberi impak secara langsung terhadap keberkesanan penguasaan dan pemahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa tahap kefahaman mahasiswa terhadap leksikal dialek Pahang dalam lirik lagu Kumpulan Anok Semantan adalah pelbagai dan dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti keluarga, rakan sebaya, tempat tinggal dan persekitaran iaitu faktor keluarga dikenal pasti sebagai faktor yang paling dominan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendedahan awal dan interaksi secara langsung dengan penutur asli amat penting dalam membantu mahasiswa memahami serta menghayati leksikal dialek tempatan. Implikasi kajian ini amat signifikan kerana hal tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran mahasiswa terhadap kepentingan memelihara dialek sebagai warisan budaya, malah dapat memperkukuh jati diri dan identiti bahasa dalam kalangan generasi muda.

Di samping itu, kajian ini juga membuka ruang kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian lanjutan yang lebih mendalam terhadap dialek Pahang seperti kajian terhadap warga emas yang masih aktif menggunakan dialek serta analisis perbezaan dialek mengikut daerah di Pahang bagi tujuan pendokumentasian dan pemeliharaan bahasa tempatan dalam menghadapi cabaran globalisasi.

ACKNOWLEDGEMENT

This study was not supported by any grants from funding bodies in the public, private, or not-for-profit sectors.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare no conflicts of interest.

AUTHORS CONTRIBUTION

Author 1 & 2: Conceptualization, Methodology, Data curation, Writing-Original draft preparation.

Author 3: Writing-Reviewing and Editing.

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Data available within the article or its supplementary materials.

DECLARATION OF GENERATIVE AI

The authors declare that no generative AI was used in the writing of the manuscript.

ETHIC STATEMENTS

Not applicable.

RUJUKAN

- Adriana Santa Anak Tinggom, Julaina Nopiah & Azean Idruwani Idrus. (2024). Dialek Melayu Satun di Langkawi: *Analisis Geolinguistik*. E-Prosiding Seminar Bahasa, Budaya dan Sastera, 1-17.
- Dayang Nazirah Awang Sihat, Nabillah Bolhassan & Nadira Abd Rahman. (2024). Tahap penguasaan kosa kata dialek Melayu Tradisional Sarawak dalam kalangan remaja Melayu di Universiti Teknologi Sarawak. *Al-Azkiya: International Journal of Language and Education*, 3(1), 98-107.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: Kajian Geolinguistik. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 16-29.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, 17(1), 74-93.
- Junaini Kasdan, Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaludin & Khairul Ashraaf Saari. (2019). Varian kata ganti nama dalam dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik. Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan, 399- 411.
- Junaini Kasdan & Muhammad Fahmi Abu Hassan. (2018). Dialek Terengganu dalam penyampaian dakwah: Analisis Sosiokognitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(3), 29-41.
- Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2022). Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam Dialek Melayu di Hilir Pahang. *Journal of Language Studies*, 22(4), 142-160.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Dicky Wiwittan Toto Ngadiman. (2024). Pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 31-45.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi & Muhammad Auzraie Mohd Razali. (2024). Antropomorfisme dalam lagu Dikir Barat berunsurkan haiwan: Analisis tahap kefahaman para pendengar. *LSP International Journal*, 11(2), 19-29.

- Mohammad Syawal Narawi, Mardzelah Makhsin & Nor Hasimah Ismail. (2021). Tahap penguasaan kefahaman Bahasa Melayu responden peranakan Pakistan: Pengaruh minat, sikap, motivasi dan persekitaran. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(42), 345-363.
- Muhammad Zaid Daud, Nur Farain Ali & Muhammad Faizul Abd Hamid. (2025). Lagu rakyat masyarakat Jerman: Refleksi mahasiswa melayu di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpandukan Akal Budi Melayu dan Pragmatik. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 16(1), 227-236.
- Nor Sahara Mesman & Fatina Bakar. (2023). Penggunaan kata ganti nama dalam Dialek Pahang: Analisis Hikayat Panjang Pendek. *International Journal of Social Science Research*, 5(2), 97-104.
- Nur Eliana Muhamad & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2024). Pengaruh dialek Kelantan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 183-198.
- Rosliah Kiting & Shira Eariy Janedeh. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi Bahasa Melayu standard pelajar Bumiputera di UPSI. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2), 75-87.
- Ruly Adha. (2022). Fenomena pemerolehan dan perkembangan bahasa pada anak usia dini. *Jurnal Anifa: Studi Gender dan Anak*, 3(1), 17-31.
- Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2022). Pengaruh dialek dalam pemerolehan Bahasa Melayu baku remaja berkeperluan Khas. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 173-188.
- Suhaila Ismail & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Sociolinguistik terhadap pemahaman dialek Kedah dalam kalangan pekerja Unit Rangka Jabatan Perangkaan negeri Selangor. *TENIAT: International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(1), 144–159.